

Faktor Yang Mengakibatkan Konflik

Azizi bin Hj Yahaya

Pencarian identiti dan perkembangan kognitif merupakan faktor utama menyebabkan konflik. Perubahan biologi yang berlaku semasa mencapai baligh menyebabkan perubahan emosi dan konsep diri. Dalam pencarian identiti remaja kerap kali membuat perubahan demi perubahan dan kadangkala krisis timbul di antara remaja dengan ibu bapa terutamanya apabila persoalan yang menyentuh aspek pemilihan kerjaya, agama dan politik.

Pemikiran remaja boleh memahami dan membina sistem dan teori berdasarkan hipotesis sehingga membentuk pendapat yang bersifat idealistik dan mengikut pendapat remaja mereka boleh mencapai apa sahaja jika mereka berusaha (Azizi et. Al, 2005) Akibatnya mereka mudah menjadi bingung kerana dibanjiri oleh pelbagai kemungkinan dan pilihan yang bertentangan ditambah dengan pemahaman peranan mereka tetapi masyarakat pula menghadkan kemungkinan tersebut. Tindakan yang diambil oleh remaja seringkali juga ditentang oleh ibu bapa yang tidak memahami apa yang dialami oleh sebahagian daripada remaja. Kritikan dan mengenakan hukuman akan memperbesarkan lagi juran persefahaman antara remaja dengan ibu bapa.

Satu lagi perubahan kognitif remaja yang agak boleh menimbulkan konflik ialah pemikiran egosentrisme remaja (*adolescence egocentrism*) yang disarankan oleh Elkind, (1967). Remaja sering mengubahsuaikan persepsi tentang kebenaran alam. Mereka sering merasa yang perhatian umum sentiasa tertumpu kepada diri, tingkahlaku, perbuatan dan sifat mereka dan sering mengada-adakan bayangan sekelompok manusia yang akan mengkritik segala tingkah lakunya. Sedangkan ini hanyalah bayangan persepsi mereka yang dikuasai oleh egosentrisme remaja.

Kirk-Patrick (1975) mendapati bahawa perasaan rendah diri wujud di kalangan remaja dan ibu bapa. Remaja sering merasakan ketidakupayaannya mengatasi orang dewasa sementara ibu bapa pula merasa zaman kegemilangan mereka telah berlalu dan rasa kecewa yang dialami akibat kegagalan dalam pencapaian. Situasi beremosi ini sering menncetuskan salah faham, ketegangan antara dua generasi ini sehingga menghasilkan pelbagai tingkah laku yang meningkatkan kerengangan dan keterasingan dalam hubungan mereka.

